

Newspaper	Berita Harian
Date	12 May 2015

# Manifestasi Najib terus memimpin

BH-12/5/2015



» Perjuangan  
40 tahun abadi  
diri untuk  
parti, tanah air

► Kuala Lumpur



**Najib menaikkan bendera UMNO** sambil diperhatikan Ahli Majlis Tertinggi ketika lagu UMNO dimainkan pada sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-69 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

**D**atuk Seri Najib Razak berkata perjuangan demi rakyat dan negara menjadi manifestasinya untuk terus memimpin walaupun kadang-kadang terpaksa membuat keputusan yang tidak popular.

Antara yang diperjuangkan ialah untuk menunaikan impian mereka yang mahu Malaysia maju dan adil serta untuk mereka yang ingin membeli rumah yang mampu mereka miliki.

"Perjuangan saya adalah untuk membantu ibu bapa yang ada tanggungjawab besar menghantar anak-anak ke sekolah. Perjuangan saya juga untuk mereka yang mahu memulakan perniagaan, tetapi susah mendapatkan kredit.

"Perjuangan saya adalah untuk

graduan mendapatkan pekerjaan. Perjuangan saya adalah merapatkan jurang pendapatan terutama rakyat di luar bandar.

"Perjuangan saya untuk yang susah kerana kos hidup. Perjuangan saya bagi membantu semua rakyat yang memerlukan pertolongan daripada kita," katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-69 UMNO, di sini malam tadi.

Berteraskan perkara itu, Perdana Menteri yang juga Presiden

UMNO berkata, beliau percaya kejayaan pasti akan datang dan kebenaran akan terbukti, di mana pada akhirnya rakyat yang akan menentukan.

Mesyuarat MT terbaik Perdana Menteri juga menegaskan, beliau mengabdikan diri selama 40 tahun dalam politik bermula dari bawah sehingga ke puncak kerana mahu berkhidmat untuk rakyat dan negara.

Dalam pada itu, Najib berkata,

mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti semalam adalah yang terbaik pernah dilaluinya ketika pelbagai fitnah dan cerita rekaan ditabur, selain adu domba oleh pihak tertentu yang ingin melihat UMNO beipecah belah.

"Semua itu dilakukan oleh mereka yang bukan sayang dan cinta

takanparti. Semua tohmahan itu ditepis oleh kepemimpinan UMNO dan ahli parti yang ingin melihat pucuk kepemimpinan bersatu padu. Mereka mahu Presiden dan Timbalan Presiden seiring mentadbir parti kita.

"Kalau kita ada keserasian, saya percaya ia mampu dicapai. Ini isyarat jelas kita perlukan sebuah parti dengan atas (pimpinan) yang kukuh dan di bawah (ahli) yang padu dalam ikatan sempurna," katanya.

Ikuti ucapan PM di BHLNLINE